

NAMA: _____

BIO T4 BAB 15.5: PEMBENTUKAN KEMBAR

(Modul Biologi T4 2021 ms 121)

1. Rajah menunjukkan 2 pasangan kembar; **kembar Y** dan **kembar Z**.



Yoo-na dan Yoo-ni



Za-za dan Zu-zu


- i. Pilih BETUL atau SALAH bagi pernyataan tentang **kembar Y** dan **kembar Z**

a	Kembar Y adalah hasil persenyawaan satu ovum dengan satu sperma membentuk satu zigot , manakala kembar Z adalah hasil persenyawaan dua ovum dengan dua sperma membentuk dua zigot	
b	Kandungan genetik dan sifat fizikal kembar Y tidak sama , manakala kandungan genetik dan sifat fizikal kembar Z sama	
c	Dalam kembar Y embrio tidak membahagi menjadi dua, manakala dalam kembar Z embrio membahagi menjadi dua	
d	Kembar Y berkongsi plasenta , manakala kembar Z mempunyai plasenta sendiri	
e	Jantina kembar Y sama manakala jantina kembar Z sama atau berbeza	

- ii. Bagaimanakah **kembar siam** terbentuk?

- Satu sperma** bersenyawa dengan **satu ovum**, kemudian **embrio membahagi kepada dua**
- Satu sperma** bersenyawa dengan **satu ovum**, kemudian **pembahagian embrio** berlaku secara **tidak lengkap**
- Dua sperma** bersenyawa dengan **dua ovum** menghasilkan **dua embrio** berasingan

2. Rajah menunjukkan dua jenis kembar; **kembar E** dan **kembar F**.



- i. **Labelkan Q.**

- ii. Berikut merupakan **fungsi Q KECUALI**:

- Tapak **pertukaran bahan** antara **fetus dan ibu**; glukosa, oksigen, antibodi, hormon dan nutrien meresap dari darah ibu ke dalam kapilari darah fetus, manakala karbon dioksida dan bahan buangan bernitrogen seperti urea meresap dari kapilari darah fetus ke dalam darah ibu
- Menghasilkan **hormon gonadotrofin korion manusia** (HCG) untuk memastikan korpus luteum menghasilkan estrogen dan progesteron
- Menghasilkan **progesteron dan estrogen** untuk mengekalkan ketebalan endometrium
- Merangsang **pengovulan**